

Ada kumpulan jadi alat asing sabotaj ekonomi Malaysia — PM

U.M. 13 AUG 1991
PETALING JAYA 12 Ogos 1991
Perdana Menteri, (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) hari ini mendedahkan adanya kumpulan - kumpulan dalam negeri yang diperalatkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di Eropah dan Amerika Syarikat untuk sabotaj pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata, kumpulan - kumpulan ini cuba melakukan penjajahan ekonomi di negara-negara membangun dengan harapan dapat menyekat barangan eksport yang boleh bersaing dengan barangan keluaran mereka.

"Mereka melakukannya dengan pelbagai cara termasuk menghasut dan melanggar undang-undang negara sasaran," ujar Dato' Sri Dr. Mahathir semasa berucap merasmikan Mesyuarat Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia dan perasmian Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, setelah Eropah dan Amerika hilang kuasa politik ekoran berakhimya empayar penjajahan, mereka telah menggunakan kuasa ekonomi untuk mengembalikan semula penjajahan itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, penjajahan bentuk baru ini termasuklah mengenakan sekatan yang berlandaskan isu alam sekitar, hak asasi kemanusiaan, demokrasi dan lain-lain isu, yang dahulunya tidak dikaitkan langsung dengan perdagangan.

Kini katanya, isu-isu seumpama itu telah mula diberi perhatian oleh pertubuhan atau kumpulan - kumpulan bukan kerajaan ini.

Beliau berkata, kegiatan kumpulan hijau umpamanya atau lebih dikenali sebagai **GREENS** yang muncul pada dekad 80-an kini berjaya menggunakan pelbagai taktik bukan semata-mata untuk menjaga alam sekitar tetapi lebih bertujuan untuk menjajah negara membangun.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, adalah penting bagi ketua-ketua perwakilan Malaysia meneliti perubahan - perubahan utama mengenai dasar-dasar negara dari semasa ke semasa.

Katanya, mesyuarat ketua-ketua perwakilan seperti ini bukan selalu diadakan. oleh itu tanpa

pembaharuan pengetahuan tentang dasar-dasar semasa, perwakilan Malaysia di luar negeri mungkin tidak dapat mencapai hasil yang maksimum, sebagaimana yang dikehendaki oleh negara.

Beliau menegaskan, dengan perubahan haluan pada masa kini, perwakilan Malaysia di luar negeri perlu menumpukan perhatian kepada soal-soal ekonomi terutamanya hal dagangan.

"Tugas menjaga kepentingan ekonomi negara dalam perhubungan antarabangsa jauh lebih rumit daripada hanya mencari sahabat politik.

"Dalam arena dagangan antarabangsa, kawan dan lawan tidak mudah diasingkan, kadang-kadang kawan politik boleh menjadi musuh ketat ekonomi," tambah beliau.

Menurutnya, perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri hendaklah mempertingkatkan usaha mengrangkan tujuan sebenar penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan mendapatkan sokongan antarabangsa terhadap penubuhannya.

LIHAT MUKA 2

ADA KUMPULAN JADI ALAT SABOTAJ EKONOMI

Beliau mengakui bahawa idea penubuhan EAEG walaupun baik dan tidak berniat mengancam mana-mana pertumbuhan, rupanya tidak begitu digemari oleh kuasa-kuasa tertentu kerana kepentingan geopolitik mereka.

"Keanggotaan ASEAN tidak boleh diperluaskan dengan sewenang-wenangnya, konsep kerjasama, baik secara rasmi atau tidak rasmi boleh diusahakan melalui EAEG.

"Kita percaya jika kita boleh membantu jiran-jiran di Asia Tiiur mencapai kemajuan, kita akan memperolehi manfaat daripadanya," kata Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir megas askan, para perwakilan Malaysia juga perlu memperluaskan diri dengan segala pengetahuan tentang selok-belok perdagangan antarabangsa serta dasar-dasar politik di dalam dan di luar negara.

Malaysia, katanya, bersama-sama dengan negara lain perlu menentukan bahawa dagangan antarabangsa adalah bebas dan adil.

Beliau menambah, mereka juga dikehendaki berusaha meningkatkan nilai eksport Malaysia dan mengenalpasti barang-barang yang boleh diimport.

Mengenai arena politik antarabangsa, beliau berkata, Malaysia berpendapat keruntuhan ideologi komunis di Eropah Timur dan Russia adalah sesuatu yang baik kepada politik tetapi belum lagi dapat diramalkan sama ada ia juga akan membawa kesan yang baik kepada ekonomi.

"Sama ada penerimaan sistem pasaran bebas oleh negara-negara blok komunis ini tidak akan menjejaskan aliran modal dan eksport kita, itulah yang perlu diberi perhatian oleh para perwakilan

an kita supaya dapat menyusun langkah menghadapi sebarang kemungkinan," tambahnya.

Beliau menarik perhatian bahawa dalam usaha membangun negara, kerajaan berusaha menjalinkan hubungan yang lebih berkesan dengan negara-negara Selatan termasuk Amerika Selatan.

"Ini adalah satu perkembangan baru dan sama ada usaha untuk meyakinkan negara-negara ini mengenai kekuatan kita berjaya atau tidak, bergantung kepada perwakilan kita di luar negeri," katanya.

Menyentuh pergolakan politik semasa Perang Teluk baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia terpaksa membelakangkan kepentingan ekonomi supaya keadilan kepada mereka yang terlibat dapat diberikan dalam peperangan yang sia-sia itu.

"Untuk menentukan keadilan dicapai, Malaysia tidak memihak kepada sesiapa dan akibatnya kedua-dua belah pihak memandang serong kepada kita.

"Nan-urn perkembangan ini tidak mengecewakan atau melumpuhkan pendirian tegas Malaysia terhadap keadilian pada masa-masa hadapan," tambah Perdana Menteri.

Begitu juga dengan soal Palestin dan Afrika Selatan, tambah beliau, ia tidak harus dipandang dari segi ekonomi tetapi mestilah dilihat dari segi keadilan juga.

"Pendirian Malaysia untuk mencapai keadilian kepada rakyat Palestin dan rakyat kulit hitam di Afrika Selatan akan diteruskan walaupun kita akan mengalami kerugian dari segi peluang-peluang lain," katanya.